

Tarikh Dibaca: 02 Disember 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“ROHINGYA SAUDARA KITA”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad** (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. **SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. **Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. **Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
6. **Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
7. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
8. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah** (Ahli)
9. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
10. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor
12. **Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“ROHINGYA SAUDARA KITA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ

الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ¹ ﴿٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا
اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا
اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Al-Buruj ; 8



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Marilah kita menginsafi bahawa keyakinan dan iman kita akan sentiasa diuji oleh Allah SWT untuk menentukan layak atau tidak kita menerima balasan syurga dan kemenangan di akhirat.

Mudah-mudahan pada hari ini akan dapat menyedarkan dan menginsafkan kita atas penjelasan khutbah yang bertajuk "**ROHINGYA SAUDARA KITA**".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kita sedang berada pada zaman kemajuan sains dan teknologi. Zaman yang dianggap penuh dengan kemajuan manusia dalam pelbagai bidang. Zaman manusia sudah berinteraksi merentas sempadan bangsa, tamadun dan kepercayaan. Zaman bangsa-bangsa di dunia menggiatkan dialog dan perbincangan, berbanding pertembungan dan peperangan yang merugikan. Namun, manusia tetap manusia. Walau di zaman mana mereka hidup. Walau di negeri mana udara dihirup.

Krisis kemanusiaan, siri-siri penindasan, pembunuhan dan kezaliman yang berterusan dilakukan. Hari ini, kita menjadi saksi pula terhadap musibah yang ditimpakan ke atas kaum Muslim Rohingya di Arakan, yang dilakukan oleh kerajaan pemerintah mereka sendiri. Apakah ertinya semua ini? Bilakah kesengsaraan ini semua akan berakhir? Bilakah manusia mahu berubah meninggalkan perangai buas, primitif dan durjana yang telah pun dihapuskan oleh agama?.

Sidang Jumaat sekalian,



Rohingya adalah nama satu kumpulan etnik beragama Islam di utara Negeri Rakhine yang terletak di Barat Burma. Kebanyakan populasi Rohingya tertumpu di dua buah bandar utara Negeri Rakhine yang dahulunya dikenali sebagai Arakan. Orang Rohingya memiliki persamaan fizikal, bahasa dan budaya dengan orang Asia Selatan, terutamanya orang Bengali. Sesetengah orang Rohingya yang menetap di Arakan adalah berketurunan Arab, Parsi dan Pashtun yang berhijrah ke Arakan semasa era pemerintahan Empayar Moghul.

Masalah yang berlaku ini adalah berpunca daripada kerajaan Myanmar yang tidak mengiktiraf etnik Rohingya yang berketurunan Bengali sebagai rakyatnya kerana kumpulan ini hanya memasuki negara tersebut pada kurun ke-19 ketika pemerintahan Britain. Menurut Perlembagaan Myanmar, hanya keturunan Bengali yang tinggal di negara itu sebelum kemerdekaan daripada Britain pada 1948 serta anak mereka sahaja yang boleh dianggap sebagai warganegara.

Namun, ini bukanlah suatu alasan yang munasabah untuk mereka ditindas, dibunuh, diseksa dan diusir dari tanah air yang telah lama mereka diami. Apakah pemerintah di Myanmar sudah hilang kewarasan sehingga membenarkan perlakuan ganas itu dilakukan ke atas sesama manusia? Tidakkah mereka sedar bahawa manusia hidup saling memerlukan? Tidakkah mereka tahu bahawa setiap manusia mempunyai hak untuk hidup dan merasai nikmat keamanan?.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 1;



يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ
وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu bermula dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada Adam itu pasangannya isterinya Hawa, dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan mengawasi kamu".

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,

Islam mengajar kita suatu hakikat yang azali bahawa semua manusia berasal dari keturunan yang sama. Kita semua berasal dari Nabi Adam AS dan kita seharusnya menerima sesiapa sahaja manusia sebagai sebahagian dari persekitaran dalam hidup kita. Islam meletakkan dasar bahawa semua manusia adalah sama. Apa yang membezakan antara mereka hanyalah taqwa, tahap kewaspadaan dan ketaatan mereka kepada Tuhan yang telah mencipta mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat, ayat 13:



يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ
شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)."

Sidang Jumaat sekalian,

Inilah dasar yang kukuh. Inilah asas kemanusiaan yang paling penting, yang akan memastikan setiap orang dapat hidup secara aman dan bebas. Setiap individu mendapat hak-hak asasnya tanpa dipinggirkan apatah lagi ditindas dan didiskriminasikan. Tindakan yang dilakukan oleh kumpulan pelampau dan tentera Myanmar sesungguhnya tidak dapat diterima oleh mana-mana tamadun dan agama. Ia adalah kezaliman yang sangat jelas dan melampau. Apatah lagi keganasan itu dapat disaksikan melalui media massa antarabangsa dan tempatan.

Hakikatnya, kita sebagai umat Islam patut merasa dukacita dan kecewa atas tindak-tanduk yang tidak bertamadun dan tidak berperikemanusiaan ini. Rasa dukacita dan simpati ini wajar kita zahirkan kerana menghayati



pesanan Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada an-Nu'man Bin Basyir R.Anhu;

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ
مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ
الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

"Perumpamaan orang-orang beriman dalam hal saling mencintai, mengasihi dan saling menyayangi adalah bagaikan satu tubuh. Jika salah satu anggotanya merasakan sakit, maka seluruh tubuh turut merasakannya dengan berjaga malam dan merasakan demam".

Muslimin yang berbahagia,

Kita juga perlu menginsafi bahawa pelbagai musibah yang berlarutan ke atas umat ini adalah ujian daripada Allah SWT. Ia adalah sebahagian fitnah yang telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Thauban R.Anhu;

يُوشِكُ الْأُمَّمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكْلَةُ
إِلَى قَصْعَتِهَا، فَقَالَ قَائِلٌ: "وَمِنْ قِلَّةِ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ؟"
قَالَ: "بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ، وَلَكِنَّكُمْ غُنَاءٌ كَغُنَاءِ
السَّيْلِ، وَلَيَنْزَعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَدُوِّكُمْ الْمَهَابَةَ



مِنْكُمْ، وَلَيَقْدِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ"، فَقَالَ
قَائِلٌ: "يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا الْوَهْنُ؟" قَالَ: "حُبُّ
الدُّنْيَا، وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ"

"Akan tiba suatu masa di mana bangsa-bangsa dan seluruh dunia akan datang mengerumuni kamu bagaikan orang-orang yang hendak makan mengerumuni talam hidangan mereka. Maka salah seorang sahabat bertanya, "Apakah kerana bilangan kami sedikit pada hari itu?" Nabi SAW menjawab, "Bahkan kamu pada ketika itu banyak sekali, tetapi kamu umpama buih di waktu banjir, dan Allah mencabut rasa gerun terhadap kamu dari hati musuh-musuh kamu, dan Allah akan mencampakkan ke dalam hati kamu penyakit wahan." Seorang sahabat bertanya, "Apakah wahan itu wahai Rasulullah?" Rasulullah SAW menjawab, "cintakan dunia dan takut mati".

Muslimin sidang Jumaat sekalian,

Justeru itu, umat Islam hendaklah kembali kepada asas kekuatan mereka. Kekuatan yang akan mempertahankan nasib dan maruah setiap warga Muslim. Kekuatan yang kita imbau dalam sejarah mulia seorang khalifah kerajaan Abbasiyyah bernama al-Mu'tasim Billah. Apabila seorang wanita Muslimah dianiaya dan dimalukan di sebuah pasar di negeri Amuriah, dia mengadu dari perbatasan yang jauh itu kepada khalifah di Baghdad. Walaupun tanpa media eletronik dan tanpa media sosial, aduan itu tetap sampai. Lalu Khalifah al-Mu'tasim bangkit dan menyahut: "Ya wahai ibu. Aku datang kepadamu!" Beliau berangkat bersama tenteranya lalu bertindak membela wanita ini dan menakluk bandar tersebut.



Asas kekuatan ini bukanlah terletak pada kelebihan harta dan kekayaan. Bukan juga pada bangsa dan keturunan. Tetapi ia terletak pada jiwa dan akidah kita, iaitu cinta akhirat dan keinginan berjuang untuk agama sehingga terkorban mati kerananya.

Hadirin sekalian,

Memperingati nasib yang telah menimpa saudara-saudara kita, Muslim Rohingya di Arakan, Myanmar, marilah kita bertekad untuk membantu mereka dengan sedaya upaya kita, iaitu:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa mendoakan ketabahan, keamanan dan kesejahteraan buat mereka. Kita doakan agar mereka tetap bertahan dengan iman dan akidah mereka, serta dilimpahi kesabaran dalam menghadapi musibah dan penindasan musuh yang tidak terperi itu.
2. Umat Islam hendaklah terus mendesak agar para penguasa Muslim dari seluruh dunia Islam mengenakan tekanan dan bantahan ke atas apa yang telah dilakukan terhadap warga Muslim Rohingya di Myanmar.
3. Umat Islam hendaklah sama-sama bertekad untuk memberikan bantuan kepada saudara-mara kita yang tertindas itu. Semoga dengan bantuan-bantuan itu, mereka akan dapat mempertahankan hak untuk hidup secara aman dan bermaruah di bumi mereka sendiri.
4. Umat Islam wajib berusaha ke arah penyatuan umat Islam seluruhnya, ke arah membentuk kekuatan bagi menghadapi segala penindasan yang telah berpanjangan ini. Kita harus mengeneipkan pertelingkahan dan pertembungan yang tidak menguntungkan umat selama ini.



5. Umat Islam hendaklah menginsafi betapa perlunya berdikari menegakkan agama ini, tanpa meletakkan harapan pada golongan bukan Islam yang hanya membiarkan penyeksaan berterusan dilakukan ke atas umat ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَافِلًا عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ
إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ الْأَبْصَارُ

"Dan janganlah engkau menyangka Allah lalai terhadap apa yang dilakukan oleh orang-orang yang zalim; Sesungguhnya ia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya pandangan mereka akan terbeliak kaku."

(Ibrahim ; 42).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ
شَرَفِ الدِّينِ اأَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ



سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ
اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِيْ اَمْنٍ
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ
وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau



panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS).

Ya Allah, peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bantulah hamba-hamba-Mu umat Islam Rohingya yang sedang diuji dengan ujian yang berat dan dizalimi dengan amat dahsyat, semoga engkau ya Allah menurunkan Izzah kepada saudara-saudara kami Rahingya dan menghancurkan rejim kuffar dengan tentera-tentera-Mu ya Allah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
21.11.2016